

Newspaper	Sinar Harian
Date	14/10/2012

## Faktor Dr M: PRU 2008 buktinya

*Sinar Harian 14/10/12*  
KUALA LUMPUR - Pengaruh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam arena politik negara terbukti apabila sindiran beliau kepada penggantinya Tun Abdullah Ahmad Badawi mengakibatkan Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 mencipta sejarah buruk buat Kerajaan Barisan Nasional (BN).



IBRAHIM ALI

Abdullah atau lebih dikenali Pak Lah adalah Perdana Menteri paling singkat memerintah sebelum bertukar tangan kerana kalah teruk BN pada PRU 2008, yang mana empat negeri jatuh ke tangan pembangkang.

Hal ini secara terang-terangan, memberikan gambaran bahawa faktor Tun Dr M mampu memberi penangan hebat ke atas keputusan pilihan raya di negara ini.

Hakikat itu diakui Ahli Parlimen Bebas dari Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali.

"Memang ada kena mengena dengan Dr Mahathir sebab beliau sebelum itu kritik Pak Lah, pemimpin lemah, pemimpin begitu, pemimpin begini dan seolah-olah menggambarkan Pak Lah sebagai Presiden Umno yang dilantik Dr Mahathir, tetapi tidak menghargai Mahathir.

"Apabila Dr Mahathir hendak bertemu pemimpin Umno ketika itu, dihalang, Dr Mahathir mengadu, Mahathir tulis dalam blog dia di mana (pada saya) keputusan 2008 ada kena mengena penulisan Dr Mahathir dalam blognya itu. Saya tidak segan silu saya cakap," kata Presiden Perkasa ini.

Difahami rating Abdullah jatuh kepada

71 peratus menjelang PRU 2008 ekoran kenyataan yang dikeluarkan Dr Mahathir.

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, walaupun hampir 10 tahun meninggalkan tampuk pemerintahan, namun nama Dr Mahathir selaku Penaung Perkasa, masih meniti di bibir masyarakat hari ini.

Meskipun sering digambarkan sebagai pemimpin zalim oleh pembangkang, nama Dr Mahathir selaku tokoh yang disegani langsung tidak terjejas.

Sebaliknya pandangan dan komen beliau sering mencuri perhatian media, termasuk mengenai kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ibrahim berkata, maka tidak hairanlah PRU13 ini juga bakal menyaksikan "sambutannya cukup hebat, jadi maknanya kita tidak boleh nafikan bahawa Mahathir mempunyai pengaruh dalam kalangan *silent supporters*, termasuk orang bukan Islam, jadi beliau ada pengaruh, jangan main-main," katanya.

"Sebab itu pembangkang risau dengan Dr Mahathir, sebab orang terimanya sebagai orang lama, orang yang berpengalaman 22 tahun menjadi Perdana Menteri, orang mengiktiraf jasanya, jadi maknanya percakapan ada pengaruh dari segi pilihan raya," katanya kepada *Sinar Harian Online*.

Mengulas lanjut, Ibrahim Ali menjelaskan tindakan Dr Mahathir itu bukan kerana menjaga kepentingan peribadi sebaliknya demi keamanan, kesejahteraan dan kemahsyuran Malaysia dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.